

Pendidikan Seksual Bermula Di Rumah



Oleh: Suzana Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 2 Jun 2021

“Ibu, kenapa kawan abang pegang kemaluan abang? Abang tidak suka. Kenapa dia buat macam itu, ibu?” Afiq Abdullah (bukan nama sebenar) bertanya kepada ibunya.

Pertanyaan itu adalah dari kisah sebenar yang dihadapi mangsa cabul di sebuah sekolah rendah. Mangsa yang merupakan murid tahun dua berasa takut dan pelik dengan perbuatan rakan sekelas terhadapnya terus mengadu kepada ibunya sebaik sahaja pulang dari sekolah.



Gambar Hiasan

Pengalaman ngeri bagi murid ini apabila menjadi mangsa cabul rakan sekelasnya sendiri. Adakah mereka sedar tentang perbuatan mereka? Adakah mereka tahu bahawa perbuatan mereka itu adalah salah? Tahukah mereka maksud perkataan cabul?

Menurut Dr Abdullah Nasih Ulwan, dalam bukunya Tarbiyatul Aulad Fil Islam: Menggilap Sinar Peribadi Anak yang diterbitkan pada 2015, pendidikan seks adalah mengajar, memberi kesedaran dan berterus-terang dengan anak tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan seks, nafsu dan perkahwinan. Hal ini supaya mereka tahu apa yang halal dan haram apabila anak-anak menginjak usia remaja dan mula mengenal kehidupan.

Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), sejumlah 1,721 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak direkodkan dalam tempoh Januari sehingga Jun 2020.

Kes rogol mencatatkan jumlah paling tinggi dengan 651 kes diikuti cabul 344 kes, sumbang mahram 106 kes, luar tabii 106 kes, dan kesalahan di bawah Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) sebanyak 514 kes.

Melihat kepada peningkatan kes rogol dan cabul dalam kalangan kanak-kanak dan murid sekolah rendah, maka perlu untuk masyarakat sedar tentang pentingnya pendidikan seksual.

Ia seharusnya diterapkan kepada kanak-kanak bermula dari rumah agar mereka dapat mengelakkan gejala negatif seperti rogol, cabul dan yang lebih menakutkan seperti salah laku seksual terhadap kanak-kanak.

Pakar pediatrik, Dr Anayasmin Azmi berkata, pendidikan seksualiti perlu digerakkan secara proaktif kerana pengabaian boleh mengundang pelbagai implikasi serius. Beliau berkata, sudah tiba masanya untuk semua pihak mengibarkan slogan “bermula di rumah”.

Oleh itu, ibu bapa perlu mengambil peranan mengajar anak-anak tentang pendidikan seksual di rumah. Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan oleh ibu bapa untuk melakukannya.

Pertama, dengan mengajar mereka bahawa bahagian sulit tubuh adalah peribadi. Tegaskan kepada mereka bahawa bahagian tubuh yang sulit tidak sepatutnya didedahkan atau dipegang oleh individu lain selain untuk tujuan perubatan dengan ditemani ibu bapa.

Selain itu, ajar anak-anak untuk tidak berahsia dengan ibu bapa. Didik mereka agar berani dan tidak malu untuk memberitahu apa sahaja yang berlaku kepada mereka.

Tanamkan dan fahamkan kepada mereka bahawa apa-apa situasi yang melibatkan salah laku seksual yang terjadi terhadap mereka adalah salah dan perlu diberitahu kepada ibu bapa.

Ketiga, ajar anak-anak mengenai had dan batasan. Bukan sahaja mengajar mereka untuk tidak membenarkan orang lain menyentuh atau melihat bahagian sulit mereka, malah ibu bapa perlu

mengingatkan mereka agar tidak berbuat demikian. Ingatkan mereka dengan ayat penegasan bahwa bahagian sulit atau seksualiti itu bukan mainan.

Akhir sekali, ajar anak-anak agar segera mengelak atau melarikan diri. Beritahu mereka supaya segera berbuat demikian jika berada dalam situasi salah laku seksual. Jika tidak dapat melarikan diri, beritahu mereka supaya menjerit untuk mendapatkan bantuan.